

KELAHIRAN LIBERALISME, DOKTRIN DAN KERACUNANNYA

Oleh:

Mohd Saiba b. Yaacob¹

Abstrak

Liberalisme memiliki konsep, sejarah kelahiran dan doktrinnya yang tersendiri. Kebelakangan ini, masyarakat Islam telah disogok dengan doktrin liberalisme melalui pelbagai isu dan pendekatan. Kajian kualitatif sepenuhnya ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep liberalisme, sejarah kelahiran, doktrin dan keracunannya terhadap kehidupan manusia sejagat. Kajian ini mendapati doktrin liberalisme sangat membahayakan kerana ia bertujuan untuk melahirkan generasi manusia yang berfikiran bebas (free thinkers), hidup tanpa agama, mempertuhankan rasional dan hawa nafsu serta lebih mementingkan individu berbanding masyarakat dan negara. Ia bukan sahaja bercanggah dengan wahyu bahkan turut berlawanan dengan fitrah dan syibghah (celupan agama) Allah S.W.T, pertimbangan akal yang waras, realiti dan peruntukan undang-undang.

Kata kunci: *Liberalisme, Islam Liberal, doktrin, keracunannya*

PENDAHULUAN

Artikel ini hanya akan membicarakan berkenaan konsep liberalisme, sejarah kelahiran liberalisme, seruan dan keracunan liberalisme menurut penilaian akal, wahyu dan realiti. Artikel ini tidak akan membicarakan berkenaan unsur-unsur, agen-agen dan strategi penyebaran liberalisme.

¹ Mohd Saiba b. Yaacob (MA), Pensyarah di Jabatan Al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

KONSEP LIBERALISME

Istilah liberalisme diambil daripada *liberalism* dalam bahasa Inggeris dan *liberalisme* dalam bahasa Perancis yang bererti pembebasan (التَّحْرِيرُ) iaitu pecahan daripada perkataan *liberty* dalam bahasa Inggeris, dan *liberte* dalam bahasa Perancis yang bererti kebebasan (الْحُرِّيَّة).²

Kamus Dewan menjelaskan pengertian “liberal” dengan maksud bersifat condong kepada kebebasan dan pemerintahan demokratik (menentang hak-hak keistimewaan kaum bangsawan), bersifat atau berpandangan bebas dan berpandangan terbuka (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya).³ Sebagai sebuah falsafah pemikiran yang tersendiri, liberalisme telah ditakrifkan sebagai:

أيدولوجية وفلسفة سياسية وفكرية واقتصادية تعتبر الحرية قيمتها
الرئيسية

*Suatu ideologi dan falsafah berkaitan politik, pemikiran dan ekonomi yang menganggap kebebasan sebagai nilai (teras ajaran)nya yang paling asasi.*⁴

Liberalisme merupakan falsafah terpenting yang mencorakkan peradaban Barat bermula zaman *Renaissance* pada abad ke-16 Masihi yang lalu dan sehingga kini terus mempertingkatkan cengkamannya terhadap pemikiran manusia di seluruh dunia termasuk dunia Islam.

Menurut Dr. ‘Alā’ Bakr, liberalisme terbina di atas empat tonggak utama iaitu kebebasan, individualisme, rasionalisme dan toleransi. Tonggak pertama dan kedua dimiliki secara khusus oleh ideologi liberal manakala tonggak ketiga dan keempat pula dikongsi bersama dengan pelbagai ideologi lain.⁵

Berasaskan empat tonggak tersebut, Dr. ‘Alā’ Bakr merumuskan liberalisme sebagai:

² Dr. ‘Alā’ Bakr (2011), *al-Islām wa al-Librāliyyah Muwājahah Sharīḥah*, al-Manṣūrah: Maktabah Fayyāḍ, h. 9.

³ Hajah Noresah bt Baharom et al. (ed) (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 935-936.

⁴ Dr. ‘Alā’ Bakr (2011), *op. cit.* h. 9.

⁵ *Ibid.*, h. 13.

حرية فردية عقلانية معها روح التسامح

Kebebasan peribadi setiap individu menurut pertimbangan rasional (masing-masing) beserta dengan adanya semangat toleransi (bersama individu atau pihak lain).⁶

Huraian ringkas berkenaan empat tonggak liberalisme di atas adalah sebagaimana berikut:

i. Kebebasan (الحرية)

Konsep kebebasan menurut doktrin liberalisme ialah kebebasan peribadi yang seluas-luasnya tanpa sebarang sekatan mahupun sempadan selama mana tidak berlaku pelanggaran atau pencerobohan ke atas kebebasan-kebebasan peribadi individu lain. Jika kebebasan tersebut memerlukan sekatan yang tertentu, maka sekatan tersebut hendaklah dalam kadar yang paling minima.⁷

Kebebasan yang diperjuangkan oleh liberalisme ialah kebebasan berfikir, kebebasan mengungkapkan suara hati, kebebasan memiliki sesuatu yang khusus untuk diri sendiri, kebebasan melakukan sesuatu berkaitan diri sendiri seperti kebebasan berpakaian dan lain-lain kebebasan peribadi yang dijustifikasikan oleh rasional seseorang. Menurut doktrin liberalisme, tugas asasi sesebuah negara adalah melindungi kebebasan-kebebasan peribadi setiap warganegara, dan negara itu sendiri perlu terpisah daripada agama.⁸

ii. Individualisme (الفردية)

Konsep individualisme menurut gagasan liberalisme ialah kedudukan individu adalah lebih penting berbanding masyarakat, masyarakat wujud untuk individu dan individu itu sendiri adalah bebas daripada agama.⁹

⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*, h. 14.

⁸ *Ibid.*, h. 9.

⁹ Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhli (2009), *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*, c. 2, Kuala Lumpur: Jundi Resources, h. 6-7.

Menurut doktrin liberalisme, kebebasan peribadi setiap individu tidak boleh diletakkan di bawah kawalan agama mahupun negara. Perbuatan yang dilakukan oleh setiap individu berkaitan diri masing-masing hanya boleh dibatasi atau dihentikan oleh individu itu sendiri, dan setiap individu sama sekali tidak perlu terikat dengan agama mahupun mazhab atau falsafah pemikiran yang sedia ada.

iii. Rasionalisme (العقلانية)

Rasionalisme menurut doktrin liberalisme bermaksud kebebasan akal manusia dalam menentukan kemaslahatan untuk diri sendiri tanpa sebarang campur tangan daripada agama mahupun negara. Menurut pemikiran liberal, sesuatu perkara tidak dapat diperolehi melainkan dengan usaha melalui kekuatan fizikal dan kekuatan akal dengan bantuan pancaindera dan pengalaman setiap individu. Fahaman ini meyakini bahawa manusia dan akal fikirannya boleh menyelesaikan berbagai aspek yang berkaitan dengan kemanusiaan tanpa perlu merujuk kepada agama atau Tuhan. Sekiranya dalam kes-kes yang tertentu manusia perlu kepada agama maka ia hanya bersifat keperluan individu semata-mata terutama dalam keadaan manusia yang tidak menentu emosi, pemikiran dan perasaannya akibat ditimpa kemalangan, bencana alam dan sebagainya. Peranan agama dalam konteks ini tidak lebih dari sekadar menstabilkan emosi yang tidak tenteram.¹⁰

Dengan itu, golongan liberalis menganggap akal wajar diberi kebebasan mutlak untuk menentukan pilihan dan hala tuju setiap individu dalam menikmati kebebasan untuk mencapai kehendak masing-masing.

iv. Toleransi (التسامح)

Toleransi yang berasal daripada perkataan toleran pada asasnya bererti sedia menghormati atau menerima pendirian orang lain yang berbeza daripada pendirian sendiri.¹¹ Dalam menikmati kebebasan peribadi yang berhubung kait dengan kebebasan peribadi individu lain, liberalisme menganjurkan agar setiap

¹⁰ Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhil (2009), *op. cit.*, h. 8.

¹¹ Hajah Noresah bt. Baharom et al. (ed) (2010), *op. cit.*, h. 1704.

individu bersikap toleran supaya kehidupan bermasyarakat dapat berjalan dengan baik.

Salah faham terhadap konsep toleransi dalam kehidupan bermasyarakat telah menyebabkan masyarakat Barat yang liberalis hanya mengingkari perbuatan rogol tetapi memberi perakuan kepada perbuatan zina, dengan alasan bahawa zina dilakukan atas dasar toleransi dan persetujuan bersama, manakala rogol pula dilakukan secara paksaan oleh pemangsa ke atas mangsanya. Atas premis yang sama, golongan liberalis menerima perbuatan homoseksual yang dilakukan dengan kasih sayang. Menurut mereka, perbuatan homoseksual hanya tidak boleh diterima apabila dilakukan secara paksaan atau pemerkosaan terhadap mangsa homoseksual.¹²

Golongan liberalis turut memberi sokongan sepenuhnya kepada perkahwinan silang agama dengan alasan setiap individu mempunyai kebebasan untuk memilih mana-mana agama yang disukai dan juga dalam menentukan siapakah pasangan hidup mereka tanpa perlu mengambilkira agama yang menjadi anutan pasangan masing-masing. Bagi mereka, semua agama adalah sama tara, sama benar dan boleh membawa keselamatan di akhirat.¹³ Menurut mereka, tiada mana-mana agama pun yang boleh dianggap lebih benar berbanding lain-lain agama.

Merujuk kepada penjelasan di atas, penerimaan liberalisme sebagai falsafah hidup akan membawa kepada banyak kekeliruan dan kepincangan kerana ia akan melahirkan generasi manusia yang menolak semua agama atas nama kebebasan berfikir dan kebebasan bertindak, yang seterusnya membawa kepada keruntuhan moral dan masalah sosial yang serius. Tumpuan kepada materialisme pula menyebabkan masyarakat mengalami kekosongan jiwa.¹⁴

Sehubungan itu, Adian Husaini, seorang pengkaji berkaitan liberalisme dan Islam Liberal menjelaskan:

¹² Khalif Muammar (2006), *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, h. 114.

¹³ Ismail Mina Ahmad (2012), "Pluralisme, Spritualisme dan Diabolisme Agama" dalam: *Pluralisme Agama Satu Gerakan Iblis Memurtadkan Ummah*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT), h. 3.

¹⁴ Khalif Muammar (2006), *op. cit.*, h. 129-130.

Golongan manusia yang hidup dalam alam pemikiran liberal dan kenisbian nilai akan sentiasa mengalami kegelisahan hidup dan ketidaktenangan jiwa. Mereka, pada hakikatnya berada dalam kegelapan, jauh daripada cahaya kebenaran. Kerana itu, mereka akan sentiasa mengejar bayangan kebahagiaan, fatamorgana, melalui berbagai-bagai bentuk kepuasan fizik dan jasmaniah; ibarat meminum air laut yang tidak pernah menghilangkan rasa haus. Lihatlah kehidupan manusia-manusia jenis ini. Semaklah ucapan-ucapan mereka; tengoklah keluarga mereka; cermatilah teman-teman dekat mereka. Tidak ada kebahagiaan yang abadi dapat mereka reguk, kerana mereka sudah membuang jauh-jauh keimanan dan keyakinan akan nilai-nilai yang abadi, kebenaran yang hakiki. Mereka tidak percaya lagi kepada wahyu Tuhan, dan (sebaliknya) menjadikan akal dan hawa nafsunya sendiri sebagai Tuhan.¹⁵

Allah S.W.T sendiri telah pun menjelaskan berkenaan kesesatan serta kerugian yang pasti dialami oleh golongan yang membelakangi wahyu akibat mempertuhankan rasional dan hawa nafsu melalui firmanNya:

﴿أَفَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ
وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِ غِشَاوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِن بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا
تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾ وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا
إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِن هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾﴾

(Al-Jāthiyah 45: 23-24)

Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai nabi Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya (sebagai) Tuhan yang dipatuhi, dan dia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan

¹⁵ Adian Husaini (2006) “Fakta Dan Data Liberalisasi Islam Di Indonesia” dalam: *Ancaman Islam Liberal*, pytn. Dr. Abdullah Sudin Abdul Rahman dan Dr. Johari Mat, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd., h. 65-66.

penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak mahu beringat dan insaf? Dan mereka berkata: “Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini; kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman”. Padahal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata.¹⁶

Iblis adalah makhluk terawal yang membelakangi perintah Allah S.W.T supaya melakukan perbuatan sujud hormat kepada Nabi Adam a.s. Firman Allah S.W.T:

﴿وَلَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَاكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ السَّاجِدِينَ ﴿١١﴾ قَالَ مَا مَنَعَكَ إِلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۖ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾﴾

(Al-A‘rāf 7: 11-12)

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu (Nabi Adam a.s dan keturunannya), lalu Kami membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada malaikat-malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam”, lalu mereka sujud melainkan Iblis, dia tidak termasuk dalam golongan yang sujud. Allah berfirman: “Apakah faktor yang menghalangmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?”; Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhanku) jadikan aku dari api, sedang dia (pula) Engkau jadikan dari tanah.

Merujuk kepada kisah di atas, Imam Muhammad b. Sirin (110H) menjelaskan bahawa Iblis merupakan makhluk pertama yang

¹⁶ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam artikel ini adalah berdasarkan: Abdullah Basmeih (t.t), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

menggunakan *qiyās*¹⁷ (analogi) untuk mempertikaikan dan membelakangi perintah Allah S.W.T. Sekalipun para malaikat telah mematuhi perintah tersebut secara praktikal dan kepatuhan tersebut telah disaksikan oleh Iblis sendiri, tetapi Iblis tetap juga berdegil bahkan turut bersumpah untuk menggoda seramai mungkin keturunan Nabi Adam a.s supaya turut bersikap ego, degil dan kufur sebagaimana yang telah dipeloporinya.¹⁸

SEJARAH KELAHIRAN *LIBERALISME*

Liberalisme adalah salah satu daripada belasan falsafah pemikiran Barat yang lahir pada zaman renaissance (kebangkitan kembali) iaitu selepas Eropah berjaya keluar daripada zaman kegelapan, zaman di mana akal dan pemikiran masyarakat Barat dipengaruhi dan dikongkong oleh penyalahgunaan kuasa tradisional golongan Gereja.

Ketika agama Kristian berfungsi secara dominan dalam kehidupan beragama masyarakat Eropah, mereka masih berada dalam zaman yang mereka sendiri sebut Zaman Kegelapan (*Dark Ages*). Mereka hanya mendapat pencerahan setelah mereka menterjemahkan karya-karya cendekiawan Muslim dalam berbagai bidang sains ke dalam bahasa Latin antara tahun 1050-1150 Masihi.¹⁹

Sepanjang perjalanan sejarahnya, Eropah telah mengalami tiga zaman iaitu zaman klasik yang berlaku sebelum abad ke-5 Masihi, kemudian zaman pertengahan (abad ke-5 hingga abad ke-17) dan zaman moden (abad ke-18 sehingga sekarang). Zaman pertengahan mengandungi zaman kegelapan (*The Dark Ages*) yang diselangi dengan zaman renaissance dan kemudiannya zaman pencerahan (*The Ages of Enlightenment*), sebelum memasuki zaman moden.²⁰

¹⁷ ‘Alī ibn Aḥmad ibn Sa‘īd ibn Ḥazm al-Zāhiri (t.t), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 2, h. 542.

¹⁸ Al-Quran, Sūrah al-A‘rāf (7): 13-18.

¹⁹ Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), “Liberalisasi Pemikiran Islam” dalam: Buku Prosiding Seminar Ancaman Islam Liberal pada 19 Disember 2019 di Dewan Besar, Kompleks Islam Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan, h. 69.

²⁰ Muhammad Nasron b. Yaacob (2017), “Serangan Ideologi Moden: Realiti Umat Islam Masa Kini” dalam: *Jurnal KIAS, Bil. 12*, Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, h. 87-91.

Dari segi sejarah, zaman *renaissance* bermula selepas berlakunya beberapa kali pemberontakan besar-besaran di England, Perancis dan Amerika hasil daripada tindak balas golongan intelek terhadap pemerintahan bersifat kuku besi yang dilakukan oleh Gereja dan raja-raja yang memerintah atas nama Tuhan, dan juga akibat penindasan tuan-tuan tanah dalam sistem feodal.²¹

Sistem feodal dikaitkan dengan bentuk kerajaan yang menekankan kuasa ekonomi dan politik perlu berada pada golongan yang memiliki hartanah persendirian yang kebanyakannya terdiri daripada tuan-tuan tanah (*landlord*). Hubungan antara pemimpin dan rakyat dalam sistem ini adalah berbentuk timbal balik, di mana pemimpin yang terdiri daripada golongan bangsawan dan tuan tanah memberikan perlindungan kepada rakyat biasa. Sebagai balasannya rakyat memberikan taat setia kepada golongan pemimpin dalam segala perkara tanpa berbelah bahagi. Ini kerana mereka percaya kepada sistem politik tradisi, di mana seorang pemimpin itu mendapat mandat daripada Tuhan (*devine right of kings*). Oleh yang demikian, rakyat terikat pada sistem tradisi tersebut dan tidak bangkit memperjuangkan hak-hak yang sepatutnya bagi mereka kerana mempercayai bahawa tugas rakyat adalah untuk membantu pemerintah tanpa bantahan. Jika seseorang raja bertindak kejam atau tidak adil, rakyat harus menerima pemerintahannya dengan tenang sebagai hukuman ke atas dosa-dosa mereka.²²

Dalam pada itu, penindasan politik dan sosial turut berlaku kepada golongan petani daripada pihak tuan-tuan tanah apabila mereka memaksa petani bekerja tanpa upah dan ada pula yang mengenakan pelbagai jenis cukai seperti cukai tanah, cukai harta dan cukai tidak langsung. Manakala golongan gereja pula mendapat gaji yang besar dan hidup dalam kemewahan sedangkan dalam masa yang sama mereka tidak mempedulikan kejadian pelbagai penganiayaan yang menyalahi doktrin-doktrin keagamaan Kristian. Malahan mereka juga terdiri daripada golongan yang mementingkan material. Ini terbukti apabila sumber kekayaan gereja tidak digunakan untuk mengurus rumah sakit, sekolah, institusi mahupun kebajikan rakyat.²³

Hal ini menyebabkan rakyat secara beramai-ramai melawan kuasa yang ada pada ketika itu dan menentang ketidakadilan yang berlaku dalam

²¹ Dr. 'Alā' Bakr (2011), *op. cit.*, h. 10.

²² Mohamad Kamil Ab Majid et al. (2011), *op. cit.*, h. 105-106.

²³ *Ibid.*, h. 106-107.

masyarakat untuk menuntut keadaan yang lebih baik bagi diri mereka. Disebabkan berlaku banyak penyelewengan serta penafian hak individu ini, maka golongan peniaga dan kelas pertengahan yang semakin bertambah ramai di akhir Zaman Pertengahan telah bangun mencabar kuasa mutlak gereja dan sistem monarki feodal pada ketika itu. Ramai ahli fikir telah mula menonjolkan tema-tema individualisme, humanisme dan kebebasan bersandarkan hujah-hujah agama dalam mempersoalkan kuasa mutlak pihak gereja serta mencabar kekuasaan semulajadi raja dan golongan aristokrat mahupun tuan tanah yang memonopoli kuasa politik dan ekonomi masa itu.²⁴

Gerakan reformasi tersebut akhirnya berjaya menamatkan autoritarianisme pemerintahan Gereja, menghadkan kekuasaan politik, mempertahankan pemilikan serta menetapkan hak asasi manusia supaya tidak dicabuli.²⁵

Aura zaman *Renaissance* yang membangkitkan semangat masyarakat Eropah untuk menjadi manusia baharu telah melahirkan sekularisme dan humanisme. Sekularisme adalah satu ideologi Barat yang meminggirkan agama daripada kehidupan serta bersifat kebendaan dan keduniaan. Manakala humanisme²⁶ pula merupakan aliran pemikiran yang mengetengahkan manusia sebagai penentu perkembangan hidupnya dan hak-hak tertentu yang bebas dan semulajadi. Perkembangan humanisme khasnya telah memberi kesedaran kepada rakyat bagi mendapat kembali hak-hak asasi dan keistimewaan semulajadi mereka daripada cengkaman golongan aristokrat feodal dan para pemimpin Gereja.²⁷

Menurut Dr. 'Ala' Bakr, seruan kepada humanisme bererti seruan kepada penyatuan semua bangsa dalam sebuah kesatuan peringkat antarabangsa bersama dengan kepelbagaian masing-masing dalam kerangka mendokong prinsip-prinsip kemanusiaan di bawah idealisme kebebasan, persaudaraan dan persamaan, dan sekali gus menganggap umat manusia sejagat sebagai satu keluarga besar yang diperintah oleh satu undang-undang antarabangsa menerusi institusi-institusi tertentu di

²⁴ *Ibid.*, h.107.

²⁵ Khalif Muammar (2006), *op. cit.*, h. 74.

²⁶ Menurut Kamus Dewan, humanisme bermaksud sifat perikemanusiaan dan faham (pendirian, sistem dan sebagainya) yang mengutamakan nilai-nilai, kepentingan dan maruah manusia (dan tidak mementingkan nilai-nilai atau kekuasaan lain). Lihat: Hajah Noresah bt. Baharom et al. (2010), *op. cit.*, h. 552.

²⁷ Mohamad Kamil b. Hj. Ab Majid et al. (2011), *op. cit.*, h. 107.

peringkat antarabangsa yang akan merungkai pelbagai isu dan permasalahan yang diperselisihkan melalui pendekatan-pendekatan yang aman dan bersifat diplomasi.²⁸

Menurut aliran humanisme, manusia hanya perlu percaya kepada dirinya sendiri dan tidak perlu lagi percaya kepada agama dan Tuhan. Idealisme inilah antara pendorong kepada kelahiran liberalisme dalam kalangan masyarakat Barat.²⁹

Jelasnya, proses liberalisasi di Barat berlaku dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi, sosial, informasi, moral dan sebagainya. Selain itu, kemunculan liberalisme turut dikaitkan dengan penyebaran teori-teori palsu ciptaan cendekiawan Yahudi untuk memusnahkan agama Kristian.³⁰

Kemunculan liberalisme dari sudut agama khasnya bermula dengan gerakan reformasi (*Reformation Period*) yang antara tokohnya adalah Martin Luther (1483-1546). Gerakan tersebut berjaya membebaskan penganut Kristian daripada kuasa gereja daripada segi kerohanian ke atas individu dan membentuk mazhab baharu bernama Protestan. Antara pemikiran liberal yang terkandung dalam mazhab Protestan ialah prinsip yang menegaskan bahawa menjadi hak individu Kristian untuk membaca kitab suci dan mentafsirnya sendiri tanpa terikat dengan tafsiran paderi-paderi.³¹

Agama Kristian kemudiannya menjadi satu korban liberalisasi daripada peradaban Barat. Daripada segi sejarahnya, agama Kristian mulai bersinar di Eropah pada tahun 313, selepas Kaisar Konstantin mengeluarkan *Edik* (surat perintah) yang memberi kebebasan kepada warga Romawi untuk memeluk agama Kristian. Bahkan pada tahun 380

الدعوة إلى الإنسانية العالمية هي دعوة إلى توحيد الشعوب على اختلافها في وحدة عالمية في إطار (²⁸ المبادئ الإنسانية تحت شعار: الحرية – الإخاء – المساواة، وبمقتضاها تعد البشرية أسرة إنسانية واحدة يحكمها قانون دولي واحد من خلال هيئات دولية تحل القضايا المتنازع فيها بالطرق السلمية والدبلوماسية). Untuk keterangan lanjut, sila lihat: Dr. 'Alā' Bakr 2011), *Madhāhib Fikriyyah fī al-M'ān – Muḥādārāt fī al-Ghawz al-Fikr*, al-Manṣūrah: Maktabah Fayyāḍ, h. 248-261.

²⁹ Selain dari sekularisme, humanisme dan liberalisme, antara fahaman lain yang turut muncul pada zaman *renaissance* ialah nasionalisme, skeptisme, materialisme, rasionalisme, agnotisme dan empirisme yang kesemuanya merupakan fahaman dan ideologi yang membelakangkan Tuhan dan agama. Lihat: Dr. Muhammad Nasron b. Yaacob (2017), *op. cit.*, h. 90.

³⁰ Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhli (2009), *op. cit.*, h. 6.

³¹ *Ibid.*, h. 7.

Kristian dijadikan agama negara oleh Kaisar Theodosius. Menurut *Edik Theodosius*, semua warga negara Romawi diwajibkan menjadi anggota gereja Katolik. Agama-agama (lain yang dianggap) kafir dilarang. Bahkan sektor-sektor Kristian di luar “gereja rasmi” pun dilarang.³²

Dengan pelbagai keistimewaan yang dinikmatinya, Kristian kemudiannya tersebar ke pelbagai penjuru dunia. Sehingga sekarang, jumlah penganut Kristian Katolik, Protestan dan Ortodoks berjumlah kira-kira 1.9 billion. Namun, jika dicermati lebih jauh, perkembangan gereja-gereja di Eropah sudah mengalami zaman kejatuhan. Sebuah buku yang dihasilkan pada tahun 1995 oleh Herlianto, seorang aktivis Kristian asal Bandung berjudul *Gereja Modern, Mau Kemana?* memaparkan dengan jelas kehancuran gereja-gereja di Eropah. Akibat hentaman daripada nilai-nilai sekularisme, modernisme dan liberalisme ke atas agama Kristian, telah menyebabkan penganut Kristian menjadi berkurangan dengan begitu mendadak.³³

Di Amsterdam contohnya, pada awal abad ke-19 yang lalu 99% penduduknya adalah beragama Kristian. Namun, pada awal abad ke-21, hanya tinggal 10% sahaja yang dibaptis dan ke gereja. Kebanyakan mereka sudah tidak terikat lagi dalam agama dan sudah menjadi sekular. Dalam tempoh yang sama, di Perancis pula yang 95% penduduknya tercatat beragama Katolik, hanya 13% sahaja yang menghadiri kebaktian di gereja seminggu sekali. Pada tahun 1987, 46% penduduk Jerman dilaporkan berpendapat bahawa agama sudah tidak diperlukan lagi. Di Finland, yang 97% beragama Kristian, hanya 3% sahaja yang pergi ke gereja setiap minggu. Di Norway, yang 90% beragama Kristian, hanya setengah sahaja yang percaya pada dasar-dasar kepercayaan Kristian, dan hanya sekitar 3 % sahaja yang pergi ke gereja pada setiap minggu.³⁴

Agama Yahudi sendiri turut mengalami liberalisasi, sehinggakan Liberal Judaism atau reform-Judaisme yang bermula di Jerman hasil usaha seorang ahli akademik bernama Moses Mendelssohn (1729-1786) telah diterima secara rasmi sebagai salah satu aliran dalam agama Yahudi.³⁵

³² Adian Husaini (2006), *op. cit.*, h. 52-53.

³³ *Ibid.*, h. 53-53.

³⁴ *Ibid.*, h. 54.

³⁵ Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (2009), *Islam Liberal Isu Dan Cabaran*, Petaling Jaya: Persatuan Ulama Malaysia, h. 23-25.

Proses liberalisasi yang berkembang bersama kemajuan sains dan pemodenan dalam pembangunan industri pada abad ke-18 bukan sahaja menjadikan masyarakat Barat bersikap materialistik bahkan turut mempengaruhi mereka dengan aliran syak dan ragu (*sceptisme*) tentang Tuhan dan ajaran-ajaran agama khususnya bermula abad ke 19.³⁶ Bertolak daripada idea pemikiran yang menggunakan pendekatan *sceptisme* melalui teori ilmu yang didasarkan kepada persepsi akal dan indera, maka lahirlah aliran yang menolak agama dan terus mengembangkan ideanya di Jerman khususnya melalui tulisan-tulisan seperti Marx dan Nietzsche, dan dari situlah bermulanya kelahiran ideologi komunis yang menafikan kewujudan Tuhan secara mutlak.³⁷

Pada akhir abad ke-20, doktrin liberalisme berjaya melahirkan sebilangan sarjana Islam yang memperjuangkan pemikiran “Islam Liberal” yang menganggap Islam yang terkandung dalam nas-nas al-Quran dan al-Sunnah sebagai Islam yang terbelenggu, terikat dan tidak bebas.³⁸

DOKTRIN LIBERALISME DAN KERACUNANNYA

Doktrin bererti prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima.³⁹ Liberalisme yang bertunjangkan kepada kebebasan berfikir dan bertindak mengikut rasional masing-masing tanpa sebarang ikatan, bebas daripada ikatan moral, bebas daripada agama, bebas daripada Tuhan⁴⁰ dan bebas daripada negara, mempunyai doktrin yang tersendiri dalam usaha untuk meliberalisasikan pemikiran manusia sejagat termasuk umat Islam.

Di bawah ini ialah penjelasan ringkas berkenaan beberapa doktrin liberalisme serta keracunannya kepada pemikiran, akidah dan akhlak

³⁶ Sila lihat keterangan lanjut mengenainya dalam: Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), *op. cit.*, h. 73-77.

³⁷ Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhli (2009), *op. cit.*, h. 8.

³⁸ Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (2009), *op. cit.*, h. 250.

³⁹ Hajah Noresah bt. Baharom et al. (2010), *op. cit.*, h. 360.

⁴⁰ Prof. Dr. Ab Aziz Mohd Zin (2019), “Liberalisme Dan Ancamannya Kepada Umat Islam” dalam: *Prosiding Seminar Ancaman Islam Liberal*, yang diadakan pada 19 Disember 2019 di Dewan Besar Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Kota Bharu, Kelantan, h. 23-24.

manusia sejagat kerana ia sangat bercanggah dengan pertimbangan akal yang waras, realiti dan wahyu serta fitrah dan *ṣibghah* (celupan agama) Allah S.W.T.

1. Penyebaran Doktrin Relativisme

Doktrin relativisme pada mulanya berasal daripada Protagoras, seorang Sofis yang berprinsip bahawa manusia adalah menjadi pengukur bagi segala sesuatu (*man is the measure for all things*).⁴¹ Menurut doktrin ini, tiada sebarang nilai yang memiliki kelebihan berbanding nilai-nilai lain. Sehubungan itu, agama tidak lagi berhak mendakwa mempunyai kebenaran yang pasti atau mutlak (*absolute*) sebaliknya hanya bersifat relatif sahaja dan hanya setaraf dengan persepsi manusia sendiri yang juga bersifat relatif. Menurut konsep ini, agama mempunyai status yang lebih kurang sama dengan falsafah.⁴²

Menurut doktrin ini, “manusia tidak dapat mengetahui kebenaran yang pasti (*absolute*)”, “kebenaran itu relatif”, “kebenaran itu tidak memihak kepada sesiapa pun” dan “pemikiran manusia adalah relatif dan yang *absolute* hanyalah Tuhan”. Dari doktrin inilah berkembangnya pemikiran yang membezakan agama dan pemikiran keagamaan sehingga lahirlah dakwaan bahawa “agama itu mutlak manakala pemikiran keagamaan pula adalah relatif”. Menurut doktrin ini lagi, kita (manusia) dapat mengetahui kebenaran hanya sejauh yang absah bagi kita. Maksudnya, kebenaran yang selama ini kita fahami hanyalah kebenaran sepihak⁴³ atau kebenaran menurut pandangan kita semata-mata. Menurut golongan liberalis, pandangan sesiapa pun mempunyai kebenarannya yang tersendiri.

Semua dakwaan di atas adalah sangat beracun bagi umat Islam kerana ia boleh merosakkan pemikiran, kefahaman dan akidah tauhid.

⁴¹ Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), *op. cit.*, h. 118. Pada zaman postmodern, doktrin ini dicetuskan oleh F. Nietzsche dengan doktrin yang disebut *nihilisme* yang intinya adalah *relativisme*. Dengan doktrin yang menggantikan metafizika dan kebenaran agama itu Nietzsche telah mendeklarasikan slogan “*God is dead*”. Selain itu, ada pula yang mengatakan bahawa kewujudan Tuhan hanya sekadar idea atau sekadar satu mitos (dongeng) sahaja. Menurut mereka, Tuhan sebenarnya tidak wujud. Kewujudan Tuhan hanya rekaan dan sogokan ke dalam fikiran manusia. Akibat sogokan itulah manusia berasa seolah-olah Tuhan ada lalu dipercayai ada. *Ibid.* Lihat juga: Prof. Dr. Ab Aziz Mohd Zin (2019), *op. cit.*, h. 39-40.

⁴² Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), *ibid.*

⁴³ *Ibid.*

Ia bukan sahaja bertentangan dengan wahyu bahkan turut bercanggah dengan logik akal dan realiti.

- i. Dakwaan bahawa “manusia tidak mengetahui kebenaran yang pasti atau mutlak (*absolute*)” adalah tidak benar kerana sudah terbukti bahawa gabungan berbagai ilmu dan maklumat boleh menghasilkan pengetahuan dan keputusan yang pasti dan meyakinkan. Realiti yang menjelaskan bahawa Nabi Muhammad S.A.W pernah hidup dan membawa risalah Islam kemudian wafat adalah pasti. Hitungan metamatik $2 \times 2 = 4$ contohnya adalah pasti.⁴⁴

Demikian juga ketepatan kajian daripada pakar ilmu falak (kosmofiqh) dalam menentukan waktu-waktu solat dan saat berlakunya gerhana matahari dan gerhana bulan juga pasti kerana ketepatannya sudah dibuktikan dengan kejadian yang benar-benar berlaku pada alam realiti dan dengan kesaksian masyarakat dunia secara berulang kali. Firman Allah S.W.T:

﴿وَجَحَدُوا بِهَا وَاسْتَيْقَنَتْهَا أَنْفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا﴾

(al-Naml 27: 14)

Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongan (mereka) padahal hati mereka meyakini kebenarannya ...

- ii. Dakwaan bahawa “manusia tidak mengetahui kebenaran *absolute* sebagaimana yang dimaksudkan oleh Allah S.W.T” juga mempunyai keracunannya yang tersendiri kerana ia menyebabkan kita tidak percaya kepada kerasulan Nabi Muhammad S.A.W yang dipercayai oleh Allah S.W.T dalam menyampaikan risalah Islam dan memberi penjelasan berkaitan pengertian ayat-ayat al-Quran yang diwahyukan kepada baginda. Mustahil Allah S.W.T menurunkan wahyu yang tidak boleh difahami secara pasti oleh RasulNya sendiri⁴⁵ padahal Allah S.W.T telah berfirman:

﴿وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾

(al-Nahl 16: 44)

⁴⁴ *Ibid.*, h. 119.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 119-120.

Dan Kami turunkan kepada kamu al-Quran agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka semoga mereka berfikir.

- iii. Jika dikatakan bahawa “kebenaran itu tidak memihak” bererti kebenaran itu ada pada semua pihak. Permasalahan akan berlaku jika semua pihak disatukan, di mana ada pihak yang mengatakan Tuhan itu ada dan apa pula pihak yang menyatakan Tuhan itu tidak ada. Jika dakwaan kedua belah pihak diterima sebagai benar, ia pastinya sangat tidak logik dan mustahil menurut pertimbangan akal yang waras.⁴⁶ Permasalahan juga akan terjadi apabila agama yang mengesakan Allah dan agama yang menyembah pelbagai jenis Tuhan diterima sebagai benar belaka.
- iv. Pernyataan bahawa “kebenaran itu relatif” sebenarnya bersifat kontradik (*self-contradiction*). Pernyataan itu sendiri belum tentu benar kerana terdapat pernyataan lain yang berbunyi “kebenaran itu boleh *absolute* dan boleh juga relatif”, dan pernyataan ini juga boleh dianggap benar.⁴⁷

Kebenaran yang pasti (*absolute*) adalah bersumber daripada Allah S.W.T sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan hadis-hadis yang *sahih*, dan kemudiannya disepakati oleh para ulama *mujtahidin* kerana Rasulullah S.A.W telah bersabda:

إن الله لا يجمع أمتي - أو قال: أمة محمد صلى الله عليه وسلم على ضلالة

*Sesungguhnya Allah tidak akan menghimpunkan umatku – atau baginda bersabda: umat Muhammad S.A.W atas kesesatan.*⁴⁸

Berkenaan perkara-perkara *ijtihadiyyah* yang diperselisihkan pula, satu daripada ijtihad ulama pastinya menepati kebenaran (bersifat *absolute*) manakala ijtihad yang selainnya adalah bersifat relatif kerana Rasulullah S.A.W menjelaskan bahawa dua pahala akan

⁴⁶ *Ibid.*, h. 120.

⁴⁷ Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), *op. cit.*

⁴⁸ Muḥammad ibn ‘Isā ibn Sawrah al-Tirmidhī (2013), *Sunan al-Tirmidhī*, Abwāb al-Fitan ‘an Rasūl Allāh S.A.W, no. h. 2167, al-Manṣūrah: Dār al-Dalīl li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

diberikan kepada ijtihad yang menepati kebenaran dan satu pahala akan diberikan kepada ijtihad yang tersilap.⁴⁹

2. Melakukan Kritikan Terhadap Al-Quran

Antara langkah liberalisasi yang paling strategik ialah melakukan kritikan terhadap al-Quran yang merupakan sumber pertama ajaran Islam yang komprehensif. Pengalaman dan kejayaan golongan missionari dalam mengkaji dan mengkritik Bible cuba digunakan untuk mengkaji dan mengkritik al-Quran.

Menurut doktrin liberalisme, sebagaimana apa yang berlaku kepada Bible, kandungan al-Quran juga turut mengalami percampuran antara wahyu Allah, kefahaman Nabi Muhammad S.A.W dan aplikasinya berasaskan realiti hidup pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dan para pengikut baginda.

Dalam tradisi kajian Bible, para pemuka Kristian memang mengakui bahawa teks-teks Bible bukan keseluruhannya wahyu Tuhan kerana sudah terjadi percampuran antara firman Tuhan dan karangan-karangan manusia, selain bahasa wahyu yang asal juga sudah tiada. Oleh itu, dikembangkan suatu metodologi pentafsiran yang disebut hermaneutika untuk mencari nilai kebenaran Bible itu sendiri.⁵⁰

Dalam perbahasan falsafah, hermaneutika sentiasa melihat sebuah karya dari sudut tiga serangkai (triadic relation) iaitu teks (*text*), pengarang (*author*) dan pembaca (*reader*). Ketika Bible dihadapkan kepada tiga sudut pandang ini, para ahli teolog Kristian sudah pun mengakui sejak dari awal lagi bahawa Bible ada pengarangnya dan bahawa pembaca Bible mempunyai jarak sama ada masa mahupun bahasa (di mana kitab Injil yang asal adalah dalam bahasa *Siryani*), sehingga menyebabkan si pembaca tidak dapat memahami secara langsung firman Tuhan itu sendiri. Mereka juga turut mengakui bahawa teks-teks Bible mempunyai banyak masalah. Apabila teks-teks Bible sudah bermasalah, bukankah tafsirannya juga akan turut mengalami pelbagai masalah? Itulah dilema yang terjadi dalam hermaneutika Bible. Dari satu sisi, hermaneutika diberi tugas

⁴⁹ (إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَنَهْذَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَنَهْذَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ). Lihat: Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī (2005), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Aqḍiyah: Bāb Bayān Ajr al-Hākim idhā Ijtahada fa Aṣāba aw Akhta'a, no. h. 4462, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.

⁵⁰ Dr. Ugi Suharto (2006), *op. cit.*, h. 22.

untuk memperbetulkan teks dan di sisi lain pula dituntut membuat penafsiran terhadap teks itu sendiri.⁵¹

Apabila hermanuetika diterapkan pada kajian al-Quran, maka teks-teks atau ayat-ayat al-Quran akan dipersoalkan dahulu kebenarannya, betulkah ia Kalam Allah S.W.T, bukankah ia telah bercampur dengan kata-kata makhluk, bukankah bahasa yang digunakan juga adalah bahasa manusia yang menjadi sebahagian dari budaya dan sejarah manusia, betulkah Tuhan bercakap dalam bahasa Arab, dan lain-lain pertanyaan yang akan menggugat keimanan masyarakat Islam terhadap al-Quran. Belum lagi kita sampai kepada tafsir al-Quran, kita sudah diserang dahulu dengan persoalan-persoalan berkaitan teks yang ditimbulkan oleh hermaneutika.⁵²

Jika jejak orientalis dalam mengkritik al-Quran ditiru ia akhirnya akan melahirkan atheisme moden. Sejarah telah membuktikan apabila masyarakat mulai berasa ragu terhadap teks Bible, mereka juga ragu kepada isinya, ragu berkenaan kebenaran hakikat Tuhan dan kemudiannya ragu tentang kebenaran kewujudan Tuhan itu sendiri. Akibatnya pasti berakhir dengan eteisme. Itulah akibatnya apabila Tuhan dicari melalui doktrin hermaneutik dan kritikan terhadap teks Bible.⁵³

Akibat penerapan *biblical criticism* dalam pengajian al-Quran, para orientalis melontarkan berbagai pendapat yang kontroversi mengenai al-Quran seperti al-Quran telah mengalami berbagai-bagai penyimpangan, standertisasi al-Quran (pemilihan *rasam 'Uthmani*) disebabkan ciptaan politik dan manipulasi kekuasaan, 'Uthman bin 'Affan telah melakukan kesalahan kerana telah mengkodifikasi al-Quran, al-Quran adalah karangan Nabi Muhammad S.A.W, terdapat sejumlah kesalahan dalam penulisan al-Quran, tidak ada dalam al-Quran wahyu asal yang bersumber daripada Allah S.W.T kerana wujud pengaruh Yahudi- Kristian yang sangat dominan dalam al-Quran, menyamaratakan *qira'at mutawatirah* dengan *qira'at shadhdhah*, mengubah kata dan kalimat dalam al-Quran dan lain-lain.⁵⁴

Doktrin di atas telah menyebabkan segelintir orang Islam yang terpedaya dengannya mengalami keracunan yang mengakibatkan

⁵¹ *Ibid.*, h. 23.

⁵² *Ibid.*

⁵³ Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), *op. cit.*, h. 124.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 123.

berlakunya tindakan menginjak nama-nama Allah S.W.T dan melemparkan *mushaf* (al-Quran) ke lantai di hadapan bilik kuliah. Tindakan mempersoalkan ketulenan al-Quran juga sudah mulai terjadi di kampus-kampus Islam (di Indonesia). Ia kemudiannya telah mencetuskan pula kesimpulan perlunya diwujudkan al-Quran edisi kritikan.⁵⁵

Al-Quran sebenarnya adalah wahyu daripada Allah S.W.T daripada segi lafaz dan maknanya seratus peratus tanpa campur tangan daripada Nabi Muhammad S.A.W dan sesiapa pun. Firman Allah S.W.T :

﴿ تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾ وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضُ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾
لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾ فَمَا مِنْكُمْ مِنْ
أَحَدٍ عَنْهُ حَاژِرِينَ ﴿٤٧﴾ ﴾

(al-Hāqqah 69: 43-47)

(Al-Quran itu) diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. Dan kalaulah (Nabi Muhammad S.A.W yang menyampaikan al-Quran itu) mengatakan atas nama Kami secara dusta - sebarang kata-kata rekaan,- Sudah tentu Kami akan menyentapnya dengan kekuasaan Kami. Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya dia mati dengan serta-merta). Maka tiada seorang pun di antara kamu yang dapat menghalang (tindakan Kami itu) daripada menyimpannya.

Firman Allah S.W.T :

﴿ قُل لِّينِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَن يَأْتُوا بِمِثْلِ هَٰذَا الْقُرْآنِ لَا
يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴾

(al-Isrā' 17: 88)

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan

⁵⁵ *Ibid.*, h. 124.

yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri”.

Dua dalil di atas menjelaskan bahawa al-Quran adalah bersumber daripada Allah S.W.T secara mutlak tanpa sebarang campur tangan daripada sesiapa pun dari kalangan manusia mahupun jin. Justeru itu, pelbagai usaha yang dilakukan untuk mengkaji dan mengkritik al-Quran sentiasa menemui kegagalan kerana Allah S.W.T sendiri telah menegaskan bahawa Dialah yang telah menurunkan al-Quran dan Dia sendiri yang mengambil tanggungjawab dalam memelihara al-Quran daripada sebarang pindaan dan penghapusan.⁵⁶

3. Penyebaran Fahaman Feminisme Dan Gender

Gerakan feminisme dan gender berasal daripada pandangan hidup Barat yang muncul akibat keadaan sosial masyarakat Barat yang melakukan pelbagai penidasan ke atas golongan wanita termasuk dalam aspek seksual, politik dan ekonomi. Gerakan ini kemudiannya bertukar kepada memperjuangkan hak-hak dan kebebasan untuk golongan Lesbian, Gay, *Bisexual* dan Transgender (LGBT).

Pada tahun 1972, Charlotte Bunch menulis artikel “*Lesbian in Revolt*” di akhbar feminis, “*The Furise*” yang diterbitkan di Washington DC dan kemudiannya dibukukan oleh Diana Press pada tahun 1975 dengan tajuk *Lesbianism and the Women’s Movement*. Menurut Charlotte Bunch, faktor utama yang menyebabkan kelahiran gerakan feminisme dan lesbian di Barat ialah:⁵⁷

- a. Sebagai landasan untuk membebaskan wanita (*liberation of women*).
- b. Menzahirkan pemberontakan terhadap autoriti lelaki yang selalu mengatur wanita bagaimana seharusnya berperangai, merasakan, melihat dan hidup di dunia lelaki.

⁵⁶ Al-Quran, Sūrah al-Hijr (15): 9.

⁵⁷ Charlotte Bunch, *Lesbians In Revolt*, <http://www.feminist-reprise.org/docs/lwmbunch.htm>, dirujuk pada 20 November 2017 sebagaimana yang terkandung dalam: Dr. Henri Shalahuddin (2018), “LGBT dan Feminisma” dalam: *Prosiding Seminar Bahaya Islam Liberal*, Kota Bharu: Mohaz Gemilang Resources, h. 25.

- c. Wujud kecintaan wanita terhadap dirinya sendiri kerana dalam dunia Barat khususnya wanita sering dianggap sebagai kelas kedua.
- d. Lesbianisme mengutamakan wanita di saat dunia menyatakan tentang kekuasaan dan dominasi lelaki ke atas wanita.
- e. Sebagai usaha untuk menghancurkan sistem yang seksis, rasis, kapitalis dan imperialis.
- f. Sebagai simbol penolakan dominasi seksual dan politik lelaki. Dengan lesbianisme, wanita Barat menentang dunia lelaki, organisasi sosialnya, ideologinya dan anggapannya tentang wanita sebagai makhluk yang lemah. Justeru itu, tindakan lesbian bukan setakat pilihan seksual tetapi merupakan pilihan politik sebab hubungan lelaki dan wanita pada intinya adalah hubungan politik yang melibatkan kekuasaan dan dominasi.

Menurut golongan feminis-lesbian, imperialisme yang hakiki adalah penindasan lelaki terhadap wanita melalui dakwaan bahawa tubuh dan pelayanan wanita sebagai keutamaan bagi golongan lelaki. Di samping itu, lesbianisme dimaknai sebagai bukti solidariti wanita untuk sesama wanita dalam aspek perasaan, fizikal, politik dan ekonomi. Lesbianisme bukan sahaja jalan alternatif terhadap penindasan oleh lelaki, tetapi lebih bertujuan untuk menzahirkan gambaran kecintaan terhadap sesama wanita. Jika wanita sendiri menolak lesbianisme, bererti mereka menerima statusnya sebagai kelas kedua.⁵⁸

Menurut feminis-lesbian lagi, masalah homoseksualiti bukanlah masalah peribadi bahkan merupakan masalah politik penindasan, dominasi dan kekuasaan. Justeru itu, lesbianisme adalah bertujuan untuk mengakhiri penindasan dengan cara merebut kekuasaan daripada lelaki sebab lelaki sebagai penguasa tidak akan menghentikan aksi penindasannya secara sukarela. Lelaki akan sentiasa bergantung kepada kepasrahan wanita untuk terus menjadi superior. Tindakan menolak untuk pasrah kepada lelaki akan memaksa mereka berfikir semula tentang perilaku seksual mereka.⁵⁹

Lebih lanjut, golongan feminis-lesbian mengatakan bahawa lesbian dipandang sebagai ancaman mendasar bagi supremasi

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ *Ibid.*

lelaki sama ada dari sisi ideologi, politik dan individu mahupun ekonominya. Lesbian mengancam ideologi supremasi lelaki dengan cara menghancurkan mitos dalam kalangan masyarakat bahawa wanita adalah inferior, lemah, pasif dan selalu bergantung kepada lelaki. Bahkan secara literal, lesbian tidak memerlukan lelaki, sekalipun untuk mendapatkan keturunan, jika sains cloning telah berkembang.⁶⁰

Tambahan daripada itu, lesbian menurut ideologi feminisme adalah ibarat pencapaian tertinggi seorang feminis sebab wanita tidak lagi bergantung pada lelaki untuk mendapat kepuasan seksual. Dalam lesbian, terdapat nilai-nilai yang membebaskan wanita, di mana tidak ada dominasi lelaki. Wanita benar-benar bebas berekspresi dan tidak perlu lagi menuruti kemahuan lelaki. Keunggulan lesbian adalah wanita terbebas daripada belenggu suami dan keluarga. Pola-pola patriarkal yang memaksa wanita untuk mengalah demi mengurus suami dan anak-anak tidak berlaku dalam kehidupan lesbian.⁶¹

Sehubungan dengan itu, seorang feminis dan pejuang kesetaraan gender yang tidak menerima lesbianisme akan dicap sebagai feminis munafik. Seorang feminis Kristian mengatakan: *“Untuk itulah seharusnya perjuangan hak-hak lesbian mesti selalu diletakkan dalam perjuangan pembebasan kaum wanita. Perjuangan kaum lesbian akan kehilangan landasan ideologinya jika diletakkan di luar pergerakan pembebasan kaum wanita. Perjuangan pembebasan wanita yang mengabaikan perjuangan lesbian adalah palsu. Bagaimana mungkin mereka dapat menyebut diri sebagai pejuang hak asasi wanita sementara mereka sama sekali tidak mencintai wanita yang diperjuangkannya itu”*.⁶²

Doktrin feminisme di atas bukan sahaja bertentangan dengan dalil-dalil al-Quran dan hadis yang menggalakkan perkahwinan,⁶³ mengharamkan zina,⁶⁴ liwat (dan lesbian),⁶⁵

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ *Ibid.*, h. 26.

⁶² *Ibid.*

⁶³ Sebagai contoh, sila lihat: al-Quran, Sūrah al-Nūr (24): 32 dan Surah al-Rūm (30): 21.

⁶⁴ Sebagai contoh, sila lihat: al-Quran, Sūrah al-Isrā' (17): 32.

bertentangan dengan *maqāṣid al-sharī'ah*, hukum-hukum yang telah diijmakkan dan hukum-hukum yang bersifat tetap (*al-Thawābit*) bahkan turut bertentangan dengan *ṣibghah* (acuan agama) Allah S.W.T.⁶⁶ dan fitrah asal penciptaan manusia.⁶⁷

Selain daripada tiga doktrin di atas, terdapat banyak lagi seruan dan doktrin liberalisme yang semakin menjadi ancaman ke atas pemikiran agama masyarakat Islam dewasa ini iaitu:⁶⁸

1. Mempersoalkan dan menentang keras sebarang bentuk autoriti keagamaan, khususnya golongan ulama yang dituduh bertanggungjawab mewujudkan gejala authoritarian yang menindas.
2. Memperjuangkan kebebasan mutlak individu dalam soal beragama dan sebarang usaha amar makruf dan nahi munkar adalah dianggap sebagai menindas kebebasan individu.
3. Kebebasan mutlak perlu diberikan kepada setiap orang untuk memilih agama dan juga untuk menukar agama mengikut kemahuannya sendiri.
4. Memperjuangkan supaya setiap orang diberikan kebebasan mutlak untuk mentafsirkan ajaran agamanya dan bukannya lagi menjadi hak monopoli sesuatu institusi keagamaan yang khusus. Bahkan setiap ajaran agama harus sentiasa dibuka untuk dipersoalkan kesahihannya. Proses ini dikenali dengan pendekatan dekonstruksi (bongkar) dan rekonstruksi (pasang balik).
5. Menolak pelaksanaan undang-undang Islam dalam masyarakat dan mendokong penubuhan negara sekular yang kononnya akan menjadi lebih adil kepada semua penganut agama yang berbeza.
6. Memperjuangkan nasib golongan minoriti dan masyarakat bawahan yang sering ditindas oleh golongan politik dan agama.
7. Menentang paradigma fundamentalisme (usaha mahu berpegang teguh kepada ajaran agama) kerana dipercayai akan membawa kepada sifat radikalisme yang melampau. Justeru itu, sebagai gantinya, pendekatan liberal Barat perlu dipromosikan sebagai kaedah terbaik seandainya sesuatu masyarakat mahu maju dan bersesuaian dengan kehendak dunia moden.

Semua ajaran, seruan dan doktrin di atas sangat bertentangan dengan ajaran Islam yang berpedomankan al-Quran, hadis, ijmak ulama

⁶⁵ Al-Quran, Sūrah al-A'rāf (7): 80-84.

⁶⁶ Al-Quran, Sūrah al-Baqarah (2): 138.

⁶⁷ Al-Quran, Sūrah al-Rūm (30): 30.

⁶⁸ Mohamad Kamil b. Hj. Ab Majid *et al.* (2011), *op. cit.*, h. 138-140.

dan pandangan sarjana Islam yang berautoriti. Menurut Mohd Aizam bin Mas'od, terdapat lima perkara utama yang membuktikan kewujudan percanggahan di antara liberalisme dan Islam, iaitu:⁶⁹

Pertama, liberalisme berakidah sekular, sedangkan Islam tidak memisahkan urusan dunia daripada akhirat dan tidak juga memisahkan aspek material daripada persoalan kerohanian.

Kedua, Islam memimpin kehidupan manusia berpandukan sistem-sistem yang bersumber daripada al-Quran dan hadis, sedangkan liberalisme pula melahirkan aturan-aturan yang tidak berlandaskan rasional serta membelakangi wahyu.

Ketiga, Islam mengajarkan bahawa agama di sisi Allah S.W.T hanyalah Islam, sedangkan liberalisme mengajarkan bahawa agama tidak perlu dipedulikan. Liberalisme mendakwa agama adalah urusan individu dan setiap individu bebas memilih agama apa pun. Agama bagi mereka hanya berada dalam fikiran individu semata-mata dan tiada hubungan dengan kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan hubungan antarabangsa.

Keempat, tiada kebebasan berpendapat dalam Islam kecuali dalam hal-hal yang dibenarkan. Oleh itu, musyawarah menurut Islam hanya dalam persoalan yang diharuskan. Sedangkan liberalisme pula memberi kebebasan kepada setiap individu untuk mengemukakan pendapat dalam apa sahaja persoalan termasuk dalam mentafsirkan teks al-Quran.

Kelima, syariat Islam mengikat setiap perbuatan manusia dengan hukum-hukum syarak serta prinsip dan objektif syariah. Manakala liberalisme pula membebaskan setiap individu untuk berbuat apa sahaja asalkan tidak merugikan hak individu lain.

Hasil kajian lapangan terhadap lebih dari tujuh puluh buah negara yang dianggap mewakili 80% penduduk dunia yang dilakukan oleh World Value Survey (WVS) pada tahun 1995-1996 dan 2000-2000 membuktikan bahawa Islam dan Barat sememangnya memiliki perbezaan nilai yang tajam. Pandangan Barat seperti sekularisme, rasionalisme, empirisme, deskralisasi, pragmatisme, pluralisme, persamaan dan sebagainya tidak terdapat dalam tradisi intelektual Islam, bahkan ia sebenarnya

⁶⁹ Mohd Aizam bin Mas'od (2015), *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 193-194.

bertentangan dengan Islam. Pandangan hidup Islam yang bersumberkan wahyu, hadis, akal, pengalaman dan intuisi adalah memiliki pendekatan agama yang bersifat *tawhīd*.⁷⁰ Peradaban Islam yang lahir, tumbuh dan berkembang berdasarkan agama tauhid yang dibimbing oleh wahyu adalah sangat berbeza dengan peradaban Barat yang hanya meletakkan agama sebagai salah satu elemen peradaban semata-mata.⁷¹

Perbezaan antara Islam dan Barat yang lebih spesifik dapat dilihat dalam perjuangan mereka berkaitan persamaan antara jantina dan kebebasan seks. Di dunia Barat, generasi mudanya menjadi semakin liberal dalam soal seks sementara di dunia Islam pula masih tetap menjadi masyarakat yang paling tradisional di dunia. Jelasnya, agama hanya dianggap sebagai satu elemen dan identiti sahaja dalam peradaban Barat kerana yang paling dominannya adalah sistem demokrasi, ekonomi, sosial dan pemikiran keagamaan yang liberal. Maksudnya, Barat secara keseluruhannya kini sedang menganut suatu sistem kehidupan yang disebut liberalisme.⁷²

PENUTUP

Penjelasan di atas membuktikan bahawa liberalisme adalah bertunjangkan kepada konsep kebebasan individu secara mutlak, bebas dari ikatan moral, bebas dari agama, bebas dari Tuhan, bebas dari negara mahupun institusi. Sehubungan dengan itu, pelbagai doktrin liberalisme adalah sangat membahayakan kerana ia pada akhirnya akan melahirkan individu yang berfikir bebas (*free thinker*), mempertuhankan rasional, hidup tanpa agama, bersikap hedonis dan ada kalanya sanggup membunuh diri sendiri apabila mengalami kemurungan dan tekanan hidup. Situasi sedemikian bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam bahkan turut bertentangan dengan ajaran lain-lain agama, etika, disiplin dan undang-undang yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan hidup bermasyarakat dan bernegara.

Liberalisme yang bertunjangkan kepada kebebasan individu untuk berfikir dan bertindak mengikut rasa hati dan rasional tanpa sebarang pedoman dan batasan merupakan fahaman jahiliyah moden yang jauh

⁷⁰ Sila rujuk: al-Quran, Sūrah al-Fath (48): 38.

⁷¹ Hamid Fahmy Zarkasyi (2019), *op. cit.*, h. 78-79.

⁷² *Ibid.*, h. 79-80.

lebih membahayakan berbanding fahaman jahiliah dahulu kala. Adalah dipercayai bahawa doktrin liberalisme yang sedang berkembang dalam diam ibarat api dalam sekam inilah yang akan diperjuangkan oleh Dajjal selepas kemunculannya di ambang ketibaan hari kiamat suatu ketika nanti. Hanya kepada Allah S.W.T jua kita meminta perlindungan dan memohon pertolongan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karīm.

Abdullah Basmeih (t.t), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Ab Aziz Mohd Zin, Prof. Dr. (2019), “Liberalisme Dan Ancamannya Kepada Umat Islam” dalam: *Prosiding Seminar Ancaman Islam Liberal*, pada 19 Disember 2019 di Dewan Besar Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Kota Bharu, Kelantan.

Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (2009), *Islam Liberal Isu Dan Cabaran*, Petaling Jaya: Persatuan Ulama Malaysia.

Adian Husaini (2006), Fakta Dan Data Liberalisasi Islam Di Indonesia” dalam: *Ancaman Islam Liberal*, pnyt. Dr. Abdullah Sudin Abdul Rahman dan Dr. Johari Mat, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

Ahmad Badri Abdullah, Dr. (2018), *Maqasid Al-Shari‘ah Antara Nas Dan Maslahah: Suatu Pendekatan Sistem*, Nilai: Ilham Books.

Ahmad Bazli Shafie, Dr. (2006), “Pendekatan Neo-Modenis Dalam Memahami al-Quran Kaedah Hermeneutik Fazlur Rahman” dalam: *Ancaman Islam Liberal*, pnyt. Dr. Abdullah Sudin Abdul Rahman dan Dr. Johari Mat, Kota Bharu: Pustaka Dian Sdn. Bhd.

‘Alā’ Bakr, Dr. (2011), *al-Islām wa al-Librāliyyah – Muwājahah Šariḥah*, al-Manšūrah: Maktabah Fayyāḍ.

‘Alā’ Bakr, Dr. (2011), *Madhāhib Fikriyyah fi al-Mizān – Muḥāḍarāt fi al-Ghazw al-Fikr*, al-Manšūrah: Maktabah Fayyāḍ.

- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, Dr. (1991), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah*, c. 11, Damshiq: Dār al-Fikr.
- Hamid Fahmy Zarkasyi, Dr. (2019), “Liberalisasi Pemikiran Islam” dalam: *Prosiding Seminar Ancaman Islam Liberal* pada 19 Disember 2019 di Dewan Besar, Kompleks Islam Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan.
- Henri Shalahuddin, Dr. (2018), “LGBT dan Feminisma” dalam: *Prosiding Seminar Bahaya Islam Liberal*, Kota Bharu: Mohaz Gemilang Resources (Seminar yang diadakan pada 20 Zulhijjah 1439 H bersamaan 1 September 2018 di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan).
- Ismail Mina Ahmad (2012), “Pluralisme, Spiritualisme dan Diabolisme Agama” dalam: *Pluralisme Agama Satu Gerakan Iblis Memurtadkan Ummah*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT).
- Khalif Muammar (2006), *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Mahamad Naser b. Disa, Dato’ Profesor Haji (2015), *Daulatkan Islam Agama Negara*, Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia.
- Mohamad Kamil b. Hj. Ab Majid et al. (2011), *Wasatiyyah Islam Antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (Jam‘iyah).
- Mohd Aizam b. Mas‘od (2015), *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Muhammad Nasron b. Yaacob (2017), “Serangan Ideologi Moden: Realiti Umat Islam Masa Kini” dalam: *Jurnal KIAS, Bil. 12*. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Al-Naysabūrī, Muslim b. al-Ḥajjāj (2005), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Aqdiyah: Bāb Bayān Ajr al-Hākīm idhā Ijtahada fa Aṣāba aw Akḥṭa’a, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

- Nirwan Syafrin, Dr. (2018), “Bahaya Pemikiran Islam Liberal” dalam: *Prosiding Seminar Bahaya Islam Liberal*, Kota Bharu: Mohaz Gemilang Resources.
- Noresah bt Baharom *et al.* (ed) (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhil (2009), *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*, Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad ibn ‘Isā ibn Sawrah (2013), *Sunan al-Tirmidhī, al-Manṣūrah: Dār al-Dalīl li al-Nashr wa al-Tawzī’*.
- Ugi Suharto, Dr. (2006), “Isu-isu Sentral Dalam Pemikiran Islam Liberal: Kes Indonesia Dan Pengajarannya Untuk Malaysia” dalam: *Ancaman Islam Liberal*, pnyt. Dr. Abdullah Sudin Abdul Rahman dan Dr. Johari Mat, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Al-Zāhiri, ‘Alī ibn Aḥmad ibn Sa‘īd Ibn Ḥazm (t.t), *al-Ihkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah